

D175

U 8636 AAO

PUNCAK - MAHATHIR RRR

(I)

DARIPADA ZAINOOR SULAIMAN

MANILA , 14 DIS (BERNAMA) -- NEGARA-NEGARA ANGGOTAASEAN HENDAKLAH MENGHAPUSKAN SEGALA HALANGAN YANG TIDAK PERLU DALAM KERJASAMA EKONOMI MEREKA UNTUK MENJADIKAN RANTAU ITU SEBAGAI KAWASAN PENTING BAGI PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

+KITA PERLU MEMPUNYAI KEAZAMAN POLITIK UNTUK MENCAPAINYA, KATA BELIAU KEPADA RAKAN-RAKAN SEJAWATANNYA PADA PEMBUKAAN PERSIDANGAN KEMUNCIAK KETIGA ASEAN DI SINI.

+SELAGI KITA MEMPUNYAI PANDANGAN YANG JELAS TENTANG MATLAMAT ITU, KEAZAMAN KITA TIDAK SEHARUSNYA PUDAR, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG MENGHADIRI PERSIDANGAN KEMUNCIAK ITU BAGI KALI PERTAMA BERKATA BAHAWA ASEAN MEMPUNYAI POTENSI DARIPADA 250 JUTA ORANG YANG BERKEMAMPUAN DARIPADA SEGI DAYA KREATIF DAN INOVASINYA.

+NEGARA-NEGARA ASEAN MEMPUNYAI SUMBER-SUMBER SEMULA JADI DAN KEMAMPUAN UNTUK MENEROKAI PEMBAGAI BIDANG KEGIATAN EKONOMI BAGI MENGUSAHAKAN SEPENUHNYA POTENSI YANG ADA DAN MENGUBAH CORAK ASEAN KEPADA SEBUAH PUSAT PERTUMBUHAN PADA MASA AKAN DATANG. +

SAMBIL MENYIFATKAN CABARAN EKONOMI YANG DIHADAPI OLEH ASEAN SEBAGAI AMAT BESAR, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ASEAN TELAH TERLALU BANYAK BERGANTUNG KEPADA PASARAN DUNIA UNTUK KOMODITI UTAMANYA DAN SESETENGAH BARANGAN YANG DIKILANG. -- LAGI.

1123MST 14 12 87

Dial .

U 8638 AAB

PUNCAK - MAHATHIR 2 MANILA RRR

(I)

BELIAU BERKATA SE JAK 1970-AN PERDAGANGAN SESAMA NEGARA ASEAN MENINGKAT DENGAN SEDIKIT SAHAJA.

KEADAAN TIDAK SEIMBANG YANG BERTERUSAN DALAM PERDAGANGAN DUNIA DAN APAH ALIRAN KEPADA SIKAP PERLINDUNGAN YANG SEMAKIN MELUAS DAN MENJADI-JADI OALAM PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENDATANGKAN KESAN YANG BURUK KEPADA ASEAN.

DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA PENGELUAR KOMODITI DI ASEAN MENANGGUNG AKIBATNYA DARIPADA PERMINTAAN YANG SEDIKIT, PULANGAN YANG KECIL DAN SIKAP PERLINDUNGAN YANG SEMAKIN BERTAMBAH DALAM LAFANGAN KOMODITI.

+KITA MENGHADAPI ARAH ALIRAN YANG BAHAYA DI NEGARA-NEGARA MAJU DALAM BENTUK SUBSIDIEKS PORT PERTANIAN, PENJUALAN SECARA KONSESIDAN KEMPEN UNTUK MEMBURUK-BURUKKAN PENGELUARAN KITA, KATANYA.

BELIAU BERKATA ASEAN PERLU MENINGKATKAN USAHANYA UNTUK MEMPERTAHANKAN KEPENTINGANNYA DALAM PERDAGANGAN KOMODITI. OLEH KERANA ITU ASEAN HENDAKLAH MEMBERI PENEKANAN KHUSUS KEPADA ISU-ISU KOMODITI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENCADANGKAN SUPAYA RANGKA KERJA ASEAN DIKAJI DAN DISUSUN SEMULA UNTUK MEMBERI TEMPAT KEPADA SEKTOR KOMODITI.

ASEAN, SEBAGAI PERTUBUHAN SERANTAV YANG DIHORMATI SEHARUSNYA MAMPU MEMBERI SUMRANGAN KE ARAH Mencari JALAN PENYELESAIAN TERHADAP MASALAH EKONOMI ANTARABANGSA MELALUI PENINGKATAN KERJASAMA EKONOMI DI KALANGAN NEGARA ANGGOTANYA, PROSES DIALOG DENGAN RAKAN-RAKAN DIALOGNYA DAN PENYERTAAN YANG AKTIF DALAM FORUM ANTARABANGSA YANG EERKENAAN. -- LAGI.

1140MST 14 12 87

D184

U B641 AAB

PUNCAK - MAHATHIR 3 MANILA RRR

(I)

BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA ASEAN TELAH SECARA BERSAMA MENCEBURI PELBAGAI BIDANG UNTUK MEMBANTU DIRI MEREKA SENDIRI DI SAMPING MEMBERI SUMBANGAN KE ARAH MELAHIRKAN SUASANA EKONOMI DUNIA YANG LEBIH MANTAP.

KERJASAMA YANG SEMAKIN MENINGKAT DI KALANGAN NEGARA-NEGARA SELATAN BOLEH MEMBUKA PELUANG BARU KEPADA ASEAN.

SAMBIL MENYELAR PIHAK-PIHAK YANG MENKRITIKASEAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SUNGGUH PUN SESETENGAH PROGRAM KERJASAMA ASEAN MUNGKIN TELAH MENGHADAPI MASALAH, NAMUN ASEAN TELAH MENCAPAI KEJAYAAN DALAM BANYAK BIDANG.

KERJASAMA ASEAN YANG BERFUNGSI YANG MERANGKUMI PELBAGAI ISU DAN KEGIATAN TELAH DENGAN SESUNGGUHNAYA MENYEMARAKAN IDENTITI ASEAN, TEGASNYA.

+ASEAN HENDAKLAH SENTIASA BERSEDIA UNTUK MEMPERBAIKI LAGI PRESTASINYA, MENERIMA IDEA BARU DAN MEMULAKAN DAYA UTAMA UNTUK MENINGKATKAN TAHAP KERJASAMA TIDAK SAHAJA DI KALANGAN NEGARA ANGGOTA TETAPI JUGA ANTARA ASEAN DENGAN DUNIA LUAR.+

PEPSIDANG GRN KEMUNCAK SEKARANG MEMBERI PELUANG KEPADA PARAKETUA KERAJAAN ASEAN UNTUK MENILAI PENCAPAIAN ASEAN DAN MENKAJI LANGKAH-LANGKAH BARU YANG TELAH DIRANGKA DENGAN TELITI DALAM BEBERAPA BULAN LALU.

+SAYA YAKINKITA SEMUA BERSEPENDAPAT YANG KERJASAMA EKONOMI ASEAN PERLU DIPERTINGKATKAN LAGI,+ KATANYA SAMBIL MENYERU RAKAN-RAKAN SEJAWATANNYA DARI LIMA LAGI NEGARA ANGGOTA UNTUK MENENTUKAN ARAH MASA DEPANNYA.--LAGI.

1152MST 14 12 87

D188

U e642 AAB

PUNCAK - MAHATHIR 4 MANILA RRR

(I)

DATUK SERX DR MAHATHIR BERKATA SALAH SATU BIDANG YANG BOLEH DIKAJI DENGAN SERIUSIALAH MENGALAKKAN PENYERTAAN SEKTOR SWASTA SECARA MELUAS DALAM KEGIATAN-KEGIATAN ASEAN.

MENGENAI ISU EKONOMI, BELIAU BERKATA BAHAWA ANTARA BANYAK BERUBAHAN BESAR YANG DIHADAPI OLEH ASIA TENGGARA DALAM DEKAD YANG LALU IALAH PENDUDUKAN VIETNAM YANG BERTERUS ANDI KAMPUCHEA.

TERDAPAT JUGAPERKEMBANGAN BARU DALAM KEPENTINGAN STRATEGI DAN KEHADIRAN UNSUR KETENTERAAN KUASA-KUASA BESAR DI RANTAU ITU.

+PERKEMBANGAN-PERKEMBANGAN INI MENIMBULKAN SYASANA YANG TIDAK BAIK BAGI KEAMANAN DAN KESTABILAN RANTAU INI,+KATA BELIAU.

MENGENAI MASALAH KAMPUCHEA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA USAHA UNTUK Mencari penyelesaian tidak seharusnya ditunjukkan semata-mata kepada pengunduran sepenuhnya oleh Vietnam dan pengembalian TAPAF NEGARA BEBAS DAN BERKECUALI BAGI KAMPUCHEA. USAHA ITU HENDAKLAH JUGA DITUJUKAN KEPADA MENGHAPUSKAN BUAT SELAMA-LAMANYA PERMUSUHAN ANTARA KUASA-KUASA UTAMA DI RANTAU INI SUPAYA KEAMANAN, PERSEFAHAMAN DAN KERJASAMA AKAN BERKEKALAN.

+BIARLAH ASIA TENGGARA UNTUK ASIA TENGGARA DAN BIARLAH RAKYAT RANTAU INI MENERUSKAN USAHA MEREKA UNTUK MENGEKALKAN KEAMANAN DAN KESTABILAN DEMI KEMAJUAN MEREKA SENDIRI.+

PERDANA MENTERI BERKATA MEMANDANGKAN PERUBAHAN-PERUBAHAN ITU, USAHA-USAHA SELANJUTNYA PERLU DILAKUKAN UNTUK MENCAPAI SEGERA MATLAMAT PENUBUHAN RANTAU AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI (ZOPFAN) DI ASIA TENGGARA.--LAGI.

1210MST 14 12 87

D193

U 8646 AAB

PUNCAK - MAHATHIR 5 MANILA RRR

(I)

DATUK SER.1 DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA ZOPFAN DAN NEGARA ITU MENGAKUI PERANAN KUASA-KUASAUTAMA, KEPENTINGAN MEREKA YANG SAH DAN SUMBANGANPOSITIF MEREKA KEPADA RANTAU INI.

ASEAN MENCAPAI KEJAYAAN YANG AGAKMEMUASKAN DALAM MENGHADAPI CABARAN DARIPADA SEGIKESELAMATAN YANG TIMBUL DARIPADA PERKEMBANGAN-PERKEMBANGAN DI RANTAU INI.

+KEYAKINANKITA KEPADA PENTINGNYA KEMAJUANEKONOMI DAN SOSIAL. SEBAGAI ASASBAGIKEAMANAN DAN KESELAMATAN TELAH MENDATANGKAN HASILNYA.+

+KITA TELAH MENOLAKKEMUNGKINANASEAN BERUBAH MENJADISEBUAH PERATURAN BERSAMA KESELAMATAN SERANTAU ATAU SEBAGAIPAKATAN KETENTERAAN.+

+KITA TELAH DAPAT MELAKUKAN INI SEMUA KERANAKITA PERCAYA BAHAWA UNTUK MENDAPATKAN RAKAN, KITA JANGAN MENGADAKANMUSUH.+

DATUK SEP.1 DR MAHATHIR JUGABERCAKAP MENGENAI PENYALAHGUNAANDAH PENGEDARANDADAH YANG MENJEJASKAN KESELAMATAN NEGARA-NEGARAANGGOTA.

SAMBIL MENYERU USAHA YANG LEBIH BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN BERSEPADU OLEHMASYARAKAT ANTARABANGSA UNTUK MENGHAPUSKAN MASALAH ITU, BELIAU BERKATA KEAZAMAN ASEAN DALAM HAL ITUHENDAKLAH MENJADI TELADAN KEPADA SEMUA NEGARA YANG MENGHADAPI MASALAH ITU. -- LAGI.

1224MST 14 12 87

D196

U B649 AAB

PUNCAK - MAHATHIR 6 MANILA RRR

(I)

+KITAPERLUBERSATU PADU DENGAN PENDIRIAN YANG TEGUHDALAM PERJUANGAN MENENTANG BAHAYA DADAH.+

MENGENAIMASALAH PELARIAN INDOCHINA YANG DIHADAPIOLEH NEGARA-NEGARAASEAN SEJAK LEBIH SATU DEKAD YANG LALU, DATUKSERIDR MAHATHIR BERKATA USAHA PERLULAH DITERUSKAN UNTUK MENDAPATKAN PENYELESAIAN YANG BERKEKALAN DENGAN MENYELESAIKANMASALAHITUPADA PERINGKAT AKAR-UMBINYA.

VIETNAM DAN LAOS HENDAKLAH BEKERJASAMA DALAM PERKARAITU,KATA BELIAULAGI. -- BERNAMA.

1228MST 14 12 87